



## SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahan Segera

### **GREAT EASTERN TAKAFUL MENAWARKAN SKIM PERLINDUNGAN KEPADA GURU**

Kuala Lumpur 7 Dis – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) bakal memanfaatkan para guru yang juga ahli Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dan Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK Berhad) berjumlah hampir 230,000 orang dengan termeterainya Memorandum Persefahaman di antara kedua pihak tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif GETB, Shahrul Azlan Shahriman berkata, bagi mencapai matlamat tersebut, Great Eastern Takaful akan menawarkan pelan takaful komprehensif serta mampu milik yang dinamakan Group Multiple Benefits Takaful Scheme (GMBTS) bermula 1 Januari 2019. Katanya, pihak GETB tertarik menjalankan kerjasama dengan KPPK Berhad kerana kedua-dua pihak memandang serius tentang masalah jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia dan ahli-ahli NUTP dan KPPK Berhad khususnya.

“Para guru merupakan tonggak masa hadapan negara kerana mereka lah pembentuk generasi akan datang. Oleh itu, kami di Great Eastern Takaful sangat berbesar hati kerana dapat menyediakan pelan yang memberikan perlindungan yang lengkap kepada mereka.”

Tambahnya lagi, apabila berbicara mengenai takaful, selalunya rakyat Malaysia terbahagi kepada dua golongan; yang pertama adalah mereka yang langsung tidak mempunyai perlindungan dan yang kedua mereka yang mempunyai perlindungan tetapi malangnya atas sebab-sebab tertentu, jumlah perlindungan sedia ada tidak mencukupi.

Pada dasarnya jumlah perlindungan seseorang itu sepatutnya sepuluh (10) kali gaji tahunannya dan mengikut kajian daripada Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2012, kebarangkalian mereka yang tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi adalah di antara 94% ke 98%. Pada Mac 2018, kadar penembusan takaful adalah 14.8%. Dengan GMBTS, kami menawarkan pelan yang mampu milik supaya ahli-ahli NUTP dan KPPK Berhad boleh mula mendapatkan perlindungan takaful atau meningkatkan pelan perlindungan mereka yang sedia ada.

Tambahnya lagi, "Oleh itu kami yakin dengan GMBTS, guru-guru kita akan dapat memanfaatkan pelan ini untuk mendapatkan perlindungan yang sewajarnya untuk mereka dan keluarga. Selain dari menawarkan manfaat perlindungan terhadap kematian dan musibah-musibah seperti Hilang Upaya Penuh & Kekal dan Penyakit Kritikal, pihak kami akan memberikan manfaat berganda sekiranya kematian adalah diakibatkan oleh kemalangan. Pada masa yang sama GMBTS juga menyediakan peluang pulangan pelaburan dari caruman mereka. Insya Allah dengan adanya perlindungan, waris-waris dapat melangsangkan segala hutang serta meneruskan kehidupan mereka sebaiknya."

"Lebih menarik lagi, pelan ini akan dilancarkan dengan tiga (3) bulan promosi istimewa di mana pemohon akan dikecualikan dari pemeriksaan perubatan dengan tujuan untuk mempermudahkan lagi proses permohonan. Selepas tempoh promosi ini pemohon haruslah menjalani pemeriksaan perubatan," kata Sharul Azlan.

Turut hadir ialah Pengerusi Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad (KPPK Berhad) YBhg. Datuk Abu Bakar Bin Shawkat Ali, Timbalan Pengerusi NUTP, YBhg. Datuk N. Siva Subramaniam, Setiausaha Agung NUTP En. Harry Tan dan juga ahli-ahli lembaga dan jawatan kuasa KPPK Berhad.

### Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usaha sama di antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Syarikat telah mencapai pelbagai kemajuan di mana ia dinamakan ‘Institusi Terbaru Islamik Terbaik 2011’; ‘Institusi Terbaru Takaful Terbaik’ pada 2012; dan ‘Pengendali Takaful Terbaik (Asia)’ pada 2013 di ‘Islamic Business & Finance Awards’ di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad telah memenangi anugerah untuk ‘Fastest Growing Takaful Company in Malaysia’ daripada International Finance, penerbitan analisis premium dan perniagaan di United Kingdom.

---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Aliah Ali, Komunikasi Jenama & Pemasaran

Tel: 03 4259 8344 atau e-mel: [sitinuraliahmohdali@greateasterntakaful.com](mailto:sitinuraliahmohdali@greateasterntakaful.com)